

# Ketamadunan Islam dalam kehidupan masyarakat Barat

**Akhlaq, etika angkat martabat manusia ke mercu kejayaan**

Banyak kajian cendekian Islam yang mengakui masyarakat Barat lebih mengamalkan ajaran Islam berbanding masyarakat negara Islam, terutama dari segi pencapaian ekonomi dan nilai sosial.

Mereka dikatakan sedemikian kerana lebih berdisiplin, memtingkan kebersihan, tidak mengamalkan rasuah, adil, mengamalkan kebebasan beragama, mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang cemerlang serta berusaha menyelesaikan konflik melalui dialog dan perdamaian.

Sebaliknya, negara Islam dikatakan lebih mundur, pemimpinya dikatakan tidak dipilih oleh rakyat dan bersikap zalim, rasuah serta menggunakan kekerasan dan pencerobohan sebagai alat untuk menyelesaikan konflik.

Bahkan, perkara yang hampir senada dengan hasil kajian itu pernah dilontar oleh tokoh pembaharuan Islam Mesir, Sheikh Muhammad Abdurrahman ketika beliau berkunjung ke Eropah lebih 100 tahun lalu dengan menyatakan wujud Islam tanpa orang Islam di Eropah, manakala banyak orang Islam tetapi tanpa Islam di Mesir.

Masyarakat Barat di Eropah dikatakan mengamalkan ajaran yang dianjurkan Islam selepas mereka menjalankan kajian untuk mengeluarkan diri mereka daripada kejahilan ketika terperangkap dalam Zaman Gelap.

#### **Angkat martabat manusia**

Pendakwah bebas, Ahmad Fauwaz Fadzil, berkata berdasarkan kajian dan pengalaman masyarakat Barat, mereka mengambil aspek ketamadunan Islam iaitu akhlak dan etika untuk dijadikan asas kejayaan. Masyarakat Barat menyedari hanya dengan akhlak dan etika mampu mengangkat martabat manusia ke mercu kejayaan dan kegemilangan tamadun insan.

"Allah sudah meletakkan kejayaan dalam kebaikan. Oleh itu, apabila orang kafir berbuat baik, mereka berjaya walaupun tidak beriman kerana undang-undang Allah tidak berubah. Bagi masyarakat Barat, mereka mengekalinya sebagai Hukum Tarikan

(Law of Attraction) namun tidak semua konsep mereka adalah betul," katanya.

Fauwaz yang juga Perunding Syariah Telaga Biru Sdn Bhd berkata, apa yang berlaku, umat Islam kini dibelenggu kejahilan dan hawa nafsu menyebabkan mereka terpesong daripada manhaj sebenar dan mengambil sifat yang dilarang oleh Allah.

Beliau berkata, kebanyakan orang Islam jahil, malas dan tidak mempraktikkan agama Islam akhirnya ditimpa penyakit malas, ego, takbur dan hasad yang boleh menghalang mereka untuk menerima kemajuan.

"Maka, ramai umat Islam menjebakkan diri kepada penerimaan penjajahan minda dan ekonomi, akibat lemahnya dalaman, menerima penghinaan. Orang Barat yang sudah keluar daripada kejahilan mereka dan menuju kepada perubahan hidup, mereka dapat apa yang mereka kehendaki kerana Allah sudah berjanji akan memberi kepada orang yang berusaha. Oleh itu, maka tidak hairanlah orang Barat sudah masuki Islam secara akhlak tetapi tidak secara akidah," katanya.

#### **Perbaiki iman, akhlak, amal**

Untuk memastikan kembali maju seperti zaman kegemilangan Islam, umat Islam masa kini perlu kembali kepada manhaj Rasulullah dan al-Quran serta memperbaiki iman, akhlak dan amal.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Taufiq Yap Yun Hin, berkata kelemahan umat Islam pada masa ini kerana mereka tidak menghormati undang-undang dan ajaran Islam.

"Umat Islam tidak beramal, mengabai dan buat tidak tahu apa yang ada dalam al-Quran, walhal di dalamnya banyak perkara menarik yang perlu dilakukan oleh orang Islam supaya kembali menjadi umat terbaik dan menjadi contoh kepada orang lain. Oleh itu, kita perlu orang Islam kembali menghayati, beramal dan menunjukkan kecintaan Islam tetapi malangnya kita kini terpaksa menjadikan masyarakat bukan Islam yang mengamalkan ajaran Islam sebagai contoh," katanya.

Taufiq yang juga Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), berkata masyarakat Barat dikaitkan dengan mengamalkan ajaran Islam kerana amalan itu berdasarkan ketamadunan dan mereka lebih maju dalam mengamalkan ajaran Islam kerana daya pemikiran mereka juga bergerak seiring dengan pembangunan dan ketamadunan mereka.

"Malaysia mungkin dari segi fizikal adalah membangun tetapi

daripada segi mental masyarakatnya masih pada tahap sama dan tidak berubah. Kita dikatakan mempunyai kemudahan bertaraf dunia tetapi mentaliti kita tidak. Oleh itu, kita terpaksa melakukan pelbagai kempen, termasuk menggalakkan budaya senyum dalam kalangan rakyat sedangkan masyarakat Barat tidak perlukan kempen sedemikian kerana mereka tahu apa yang perlu dilakukan dan boleh berfikir sendiri," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Prof Dr Azizan Baharuddin, berkata kelemahan umat Islam hari ini ialah akibat kefahaman mereka mengenai Islam yang agak dangkal, sebahagiannya beranggapan mengucap dua kalimah syahadah serta mempercayai Rukun Islam dan Iman sudah memadai sedangkan Islam sebenarnya perlu dipraktikkan dalam kehidupan dan pengisianya adalah kerja sepanjang hayat.

"Walaupun masyarakat bukan Islam sebahagiannya tidak mempercayai tuhan dan penghayatan agama mereka juga tidak kuat, mereka sedar dalam kehidupan perlunya ada peraturan untuk mengelak kecelaran. Di Jepun, kita akan dapat melihat masyarakatnya mempunyai sistem yang kuat seperti patuh pada lampu isyarat dan pemimpinnya pula jika terbabit dalam salah laku akan bertanggungjawab dengan meletakkan jawatan.

"Orang Islam pula beranggapan mereka akan masuk syurga. Jika masuk ke neraka, hanya untuk sementara bagi menyucikan dosa tetapi akhirnya akan masuk ke syurga. Oleh itu, ada tanggapan bila sudah mengucap syahadah, sudah okay. Kebanyakan umat Islam hari ini tidak cukup mentelaah dan memahami al-Quran serta mengikuti panduan al-Quran dan hadis," katanya.

#### **Kurang pengetahuan**

Beliau berkata, kebanyakannya mengandaikan beragama Islam sudah mencukupi tetapi kurang beramal kerana tidak mengkaji Islam dan sekadar mengharapkan ilmu yang dipelajari di sekolah.

"Pengetahuan mereka mengenai Islam adalah kurang, walhal abad ke-11 hingga ke-14 Masihi, Islam adalah tamadun paling maju di dunia sehingga dipanggil Zaman Emas Islam dengan kemajuan Barat hari ini adalah berdasarkan kemajuan tamadun Islam," katanya.

Untuk umat Islam kembali maju, termasuk dari segi etika dan akhlak, Azizan menggesa umat Islam kembali menunaikan solat kerana ia perkara pertama

akan disoal Allah dan Allah menjanjikan kemenangan kepada mereka yang menunaikan solat. Bagaimanapun, kemenangan ketika ini tidak berpihak kepada umat Islam kerana kebanyakannya tidak memahami apa dilakukan mereka dalam solat.

"Solat ini adalah doa. Doa dari segi biologi dan saintifik adalah mempengaruhi saraf, sistem pemikiran dan otot dalam badan. Bila apa yang kita baca tidak difahami, maka kita tak mengaktifkan sistem yang membuatkan manusia cemerlang.

"Allah sudah menjanjikan kehidupan cemerlang di dunia pada umat Islam dengan syarat faham yang dibuat, bermula dengan solat dan fahamkan tugas kita sebagai manusia.

"Semua ini perlu direncanakan dalam kurikulum pengajian Islam. Semua pihak sama ada pada peringkat tadika, sekolah, ibu bapa, masjid dan pejabat perlu memainkan peranan untuk meningkatkan kefahaman mengenai Islam," katanya.

**Umat Islam tidak beramal, mengabai dan buat tidak tahu apa yang ada dalam al-Quran, walhal di dalamnya banyak perkara menarik yang perlu dilakukan**

**umat terbaik dan menjadi contoh kepada orang lain"**

**Taufiq Yap Yun Hin,**

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM



**MOHD ZIN ALI**

mdzin@bh.com.my



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

**咖哩鸡**  
Gāli jī  
Kari ayam



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:  
Tel : 603 - 6151662  
Faks : 603 - 61435166  
Laman Web : www.hccm.com.my/ms  
E-mel : info@hccm.com.my

**SIRI 310**

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

- 1 Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci gorian ZOOM BH
- 2 Imbas keseluruhan kotak merah
- 3 Video dimainkan

